

# Bina longkang tangani masalah banjir kilat

BH ONLINE | Ahad, 25 Ogos 2019 | 12:58pm



Kok Seong (tiga dari kanan) dan Raja Norazli (empat kanan) meninjau projek naik taraf longkang di pusat perniagaan Casuarina di Bahau. - NSTP/Abnor Hamizam

JEMPOL: Masalah banjir kilat dihadapi penduduk dan peniaga berhampiran Pusat Perniagaan Casuarina bakal berakhir apabila kerja naik taraf longkang yang menjadi punca masalah itu dilaksanakan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong, berkata projek pembinaan longkang sepanjang 290 meter itu sudah pun dimulakan oleh pihak kontraktor dilantik membabitkan peruntukan RM339,000.

Katanya, peruntukan itu disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

“Ia dijangka siap pada hujung Oktober ini sekali gus memberi kelegaan kepada penduduk dan peniaga yang sebelum ini sentiasa berdepan dengan banjir kilat.

“Bagaimanapun, orang ramai juga perlu memberikan kerjasama supaya tidak sesuka hati membuang sampah ke dalam longkang sehingga boleh menyebabkan berlaku banjir kilat lagi,” katanya ditemui pemberita ketika mengadakan lawatan ke tapak projek berkenaan, hari ini.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jempol (MPJL) Raja Norazli Raja Nordin.

Kok Seong berkata, beliau berharap orang ramai akan mengikut arahan pihak berkuasa yang akan dimaklumkan nanti mengenai penutupan jalan

berhampiran pasar borong Bahau berikutan pelaksanaan projek itu.